

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HST 422 Pendudukan Jepun di Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Bukti-bukti yang sedikit yang dapat dikutip setakat ini menunjukkan penetrasi, sama ada dari segi politik atau perdagangan yang dirancang oleh kerajaan Jepun ataupun agen-agennya dan dijalankan oleh rakyat Jepun sama ada secara kumpulan atau individu menjurus ke arah perluasan ke selatan (Asia Tenggara)" (Eric Robertson).

Bincangkan petikan ini dengan merujuk kepada hubungan Jepun dengan mana-mana negara di Asia Tenggara sebelum 1941.

2. Sejauh manakah Jepun berjaya menggunakan agama serta elit-elit agama di Asia Tenggara? Perbincangan perlulah merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.
3. "Tindakan dan sikap terhadap Jepun seperti yang ditunjukkan oleh Ibrahim Yaacob di antara 1941-45 mencerminkan aspirasi semasa sebilangan besar nasionalis-nasionalis Asia Tenggara".

Bincangkan.

4. Dengan merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara, sejauh manakah dasar ataupun tindakan Jepun turut mempengaruhi hubungan minoriti (pribumi) - majoriti (pribumi)?

5. Sejauh manakah dapat diterima BIA atau PETA itu menjadi bukti kepada sumbangan serta sokongan Jepun kepada pergerakan nasionalisme tempatan?
6. Sejauh manakah perpecahan di dalam pergerakan nasionalisme tempatan selepas 1945 dapat dikaitkan dengan pendudukan Jepun? Perbincangan boleh merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.
7. "Pemulihan hubungan Asia Tenggara-Jepun selepas 1945 dipengaruhi oleh desakan ekonomi dikedua-dua pihak".

Bincangkan.

-oooOooOoo-